

13 AUG 2002

Umno-Kelab/I

KELAB UMNO BUKAN CAWANGAN UMNO, KATA NOH OMAR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 13 Ogos (Bernama) -- Penuntut Malaysia di sini diingatkan supaya tidak menganggap Kelab Umno Melbourne sebagai cawangan parti itu.

Ketika bercakap pada jamuan malam Kelab Umno Melbourne pada hujung minggu, pengerusi Alumni Kelab Umno Seberang Laut, Datuk Noh Omar menegaskan bahawa kelab-kelab Umno merupakan pertubuhan sosial yang ditubuhkan untuk mengeratkan siratulrahim di kalangan pelajar.

"Umno Malaysia adalah pertubuhan politik kebangsaan, tidak seperti kelab-kelab Umno. Pelajar tidak seharusnya menggunakan kelab-kelab Umno untuk aktiviti politik dan menjadikannya tapak untuk menjayakan cita-cita politik mereka," katanya.

Jamuan itu yang berlansung di Toorak, dihadiri kira-kira 160 pelajar.

Sambil menyuarakan semula gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya interaksi di kalangan kaum ditingkatkan, Noh yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menggesa pelajar bergaul dengan kaum lain serta rakyat negara lain di Australia.

"Australia seperti Malaysia, merupakan negara pelbagai kaum dan budaya dan terdapat 150 kumpulan etnik di Australia. Kamu perlu mengambil kesempatan menarik ini untuk mengenali dan mewujudkan rangkaian yang berguna pada masa depan, terutama perdagangan dua hala," katanya.

Noh berkata pelajar tidak sahaja wajar mendapatkan pengetahuan malah belajar cara menggunakannya untuk manfaat semua rakyat Malaysia.

Jamuan malam itu dimulakan dengan tarian tradisional selamat datang oleh Suhana Sidik (Gombak), Aliza Ali (Klang), Zuhaira Zainalabidin (Cheras) dan Akmal Muhamad Suyat (Hulu Langat) diikuti tarian klasik India oleh Yasotha Chelvanasen, dari SS2 Petaling Jaya.

Nurul Nadira Abd Latif (Damansara) dan Nurliyana Mohd Najib kemudiannya menyanyi berduet diikuti nyanyian solo Wan Norlinie Wan Rahimi Shah.

Penonton juga tertarik dengan persembahan pantomin yang dijayakan oleh Abdul Aziz Awang Adek (PJ), Syed Hassan Al-Junid (Gombak), Al Ashraf Zarif Al Bakri (Shah Alam), Juifa Hana Muhamad Jamal (Ipoh), Ainul Irdayu Mohd Bakri (Banting), Ajatol Aswad Kamaruddin (Gombak), Suhana Sidik (Gombak), Safura Azali (KL), Wan Zulhelmi Wan Ahmad Kamar (Sungai Patani), Nurhidayah Ismail (Melaka) dan Nizar Tumaisuri (Damansara).

-- BERNAMA

NDC AHH LAT